

14 FEB 2000

Effendi-Umno

PENDUDUK S'WAK SELESA POLITIK NEGERI SEKARANG, KATA EFFENDI

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Rakyat Sarawak selesa dengan kedudukan politik negeri yang sedia ada, kata Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Datuk Mohd Effendi Norwawi.

Katanya, walaupun Umno mahu dibawa masuk ke Sarawak, ianya haruslah dibincangkan dahulu dengan parti utama yang mewakili majoriti penduduk negeri itu.

"Kalau Umno sampai masanya mahu ke Sarawak, ini akan dibincangkan antara Umno and PBB dengan lebih teratur supaya kemasukan Umno diterima baik dan tidak disokong melalui individu yang ditolak oleh masyarakat kami," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai tindakan bekas Timbalan Presiden PBB Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang bercadang mengetuai kempen membawa Umno ke Sarawak.

"Umno mesti masuk apabila rakyat Sarawak merasakan dengan kemasukan Umno itu akan membawa faedah besar kepada kemajuan negeri dan akan mengukuhkan perpaduan. Kita di Sarawak ada 24 kaum dan suku kaum. Jadi yang pentingnya, Umno masuk jika dapat sokongan semua parti Bumiputera. Kalau tak...kaum akan berpecah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas perasmian penggal kedua, mesyuarat pertama, Parlimen kesepuluh oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Akhbar semalam melaporkan Abang Abu Bakar telah mengumumkan beliau telah meninggalkan PBB untuk mengetuai kempen membawa Umno ke Sarawak, dan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang mengenai penubuhan cawangan-cawangan Umno di Sarawak.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Presiden PBB menyelar usaha membawa Umno masuk ke Sarawak dan berkata tindakan itu boleh mencetuskan perpecahan di kalangan orang Melayu dan Islam di negeri itu manakala Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob telah berkata tidak ada keperluan bagi Umno masuk ke Sarawak.

Mohd Effendi yang juga Menteri Pertanian berkata yang penting sekarang ialah hasrat sebenar rakyat Sarawak masa ini.

"Kita menang kesemua 28 kerusi Parlimen negeri pada pilihan raya umum November lepas dan ini bermakna rakyat Sarawak puas hati dengan kemajuan dan pembangunan Sarawak, (dengan) ketua menterinya dan parti-parti yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata jika rakyat tidak berpuas hati dengan kepimpinan negeri sekarang, sudah tentu perasaan mereka itu akan ditunjukkan semasa pilihan raya lepas.

"Kalau ada kejadian seperti itu, mungkin kita boleh fikirkan perlunya ada pembaharuan. Tapi kita lihat tak ada berbelah bahagi (sokongan) kepada kerajaan," katanya.

Mohd Effendi berkata bahawa secara peribadi beliau tidak menolak kemungkinan tindakan Abang Abu Bakar itu lahir dariapda rasa kecewa kerana tidak lagi mendapat sokongan rakyat Sarawak.

"Mungkin kerana tak dicalonkan (semasa pilihan raya umum) beliau rasa marah dan kalau dia nak cuba tubuh parti sendiri sudah tentu tak akan terima sambutan. Jadi beliau cuba gunakan parti Umno," katanya.

-- BERNAMA

NZ MAI